



UCAPAN DARIPADA

YANG BERHORMAT  
**DATO SERI SETIA Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR**  
MENTERI PEMBANGUNAN

SEMPENA  
**MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI 2019**  
**TEMA : 'PROTECT OUR SPECIES'**

Hari Isnin, 22 April 2019  
Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُنْسَلِّمِينَ  
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى الْهُوَّ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia

Dayang Martinah binti Haji Tamit

Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

Selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia

Ar. Awang Haji Marzuqe Bin Hj Mohsin

Timbalan Menteri Pembangunan

Yang Mulia

Setiausaha-Setiausaha Tetap,

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap,

Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Jabatan,  
timbalan-timbalan ketua jabatan,

Di Kementerian Pembangunan

Yang Mulia

Dayang Liaw Lin Ji

Presiden Persatuan Biodiversity dan Sejarah Semulajadi  
(Biodiversity and Natural History Society - BruWILD)

Yang Mulia, para Pemenang-pemenang Pertandingan melukis  
Poster *Setiap Hari Tanpa Beg Plastik*

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.



Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, kita semua diberikan kesempatan untuk berkumpul bagi sama-sama meraikan Sambutan Hari Bumi 2019 pada pagi ini yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.
- 2 Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas penghormatan dan ingatan baik Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi kerana menjemput saya hadir selaku Tetamu Kehormat bagi Majlis Sambutan Hari Bumi 2019 dan melancarkan “Video bagi Inisiatif *hari-hari tanpa beg plastik*” pada pagi ini dan seterusnya penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan melukis poster sempena Sambutan Hari Bumi 2019. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi diatas inisiatif ini yang pada hemat saya bertepatan dengan langkah warga global dalam menangani isu pencemaran alam khususnya dari bahan plastik di negara ini.
3. Seperti kelazimannya, Hari Bumi disambut diseluruh dunia pada setiap 22 haribulan April setiap tahun, dimana ianya merupakan satu Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dihasratkan untuk meluaskan

kesedaran tentang alam sekitar yang mendalam berkaitan dengan bumi dan ekosistemnya. Banyak aktiviti-aktiviti telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran setiap lapisan masyarakat bagi sama-sama menyokong dan juga memainkan peranan masing-masing demi menjaga dan memelihara alam sekitar.

Selain itu, Petubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga berharsat untuk melahirkan generasi-generasi baharu yang aktivis alam sekitar bagi melahirkan and mencipta berbagai kepakaran berkaitan alam sekitar di peringkat tempatan, kebangsaan atau pun antarabangsa .

Bagi mencapai hasrat tersebut dua perkara penting yang mesti dilakukan secara berterusan iaitu pendidikan dan penyelidikan.

Begini juga pendekatan pendedahan maklumat Hari Bumi secara meluas mestilah dipelbagaikan bagi menarik minat masyarakat menyertai dan mengamalkan hal-hal yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar dan keselamatan bumi. Dalam era teknologi media yang canggih masa kini, proses untuk menyampaikan maklumat adalah lebih mudah dan cepat.

Apa yang penting ialah melahirkan idea dan kreativiti baru dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan berkesan.

Program pendidikan mengenai alam sekitar juga sangat penting dan mestilah dilakukan secara berterusan dan disesuaikan dengan kehendak generasi. Saya difahamkan bahawa pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi secara berterusan telah banyak membuat aktibiti-aktibiti atau program-program berasaskan pendekatan menyeluruh mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar kepada penuntut-penuntut sekolah disemua peringkat. Aktibiti-aktibiti alam sekitar yang berulang-ulang di sekolah-sekolah diharap akan dapat membentuk satu budaya kelastrian alam sekitar dalam usaha untuk membudayakan nilai murni alam sekitar supaya ianya sebatی dalam jiwa mereka agar menjadi masyarakat yang literasi kepada alam sekitar. Pendidikan dan kesedaran perlulah dilakukan secara berterusan disemua peringkat agar masyarakat kita sentiasa menghargai dan minat mencintai alam sekitar.

4. Sambutan Hari Bumi ini biasanya diadakan selepas kita menyambut Hari Air Sedunia, Hari Perhutanan Sedunia dan Hari Hidupan Liar Sedunia yang mana disambut pada bulan Mac. Saya percaya asas sambutan-sambutan ini sangat berkait rapat dengan alam sekitar dan mempunyai matlamat yang sama, iaitu mengurangi pencemaran dan pemuliharaan hutan atau habitat yang boleh mengancam kesejahteraan manusia. Melalui aktibiti-aktibiti yang telah dilaksanakan, orang ramai sudah mempunyai momentum dari segi pengetahuan, kesedaran, semangat dan amalan dalam pemuliharan sumber semula jadi, mudah-mudahan isu pencemaran alam sekitar dapat ditangani dengan

lebih berkesan serta pemuliharaan habitat dapat dilaksanakan secara berterusan dan penggunaan sumber air di Negara kita ini akan dapat diurus secara optimum.

5. Tema sambutan hari Bumi pada Tahun ini iaitu: ‘*Protect Our Species*’, berkait rapat dengan fungsi dan peranan Kementerian Pembangunan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jika kita lihat inisiatif atau usaha yang kita ungkayahkan, ianya juga menyumbang kepada perlindungan dan pemeliharaan flora dan fauna secara amnya, baik dari hidupan darat maupun hidupan laut atau marin.

Antara nya ialah memperkenalkan dasar, garis panduan serta menguatkuasakan pelbagai undang-undang berkaitan dengan alam sekitar seperti keperluan Penilaian Kesan Alam Sekitar atau ‘*Environmental Impact Assessment*’ (EIA) ke dalam proses pembangunan. Dasar, garis panduan dan undang-undang berkaitan dengan alam sekitar ini telahpun dijadikan satu ‘requirement’ dan juga paduan kepada semua pihak termasuklah pihak Kerajaan, pihak swasta dan pihak-pihak yang berkenaan.

6. Menyentuh mengenai *inisiatif setiap hari tanpa beg plastik*, seperti yang kita maklumi, sejak 1 Januari 2019, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan satu pencapaian yang boleh dibanggakan di mana Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik telah

berjaya dilaksanakan pada setiap hari di kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan yang ikut serta.

7. Sejak pelancaran Inisiatif *Setiap Hari Tanpa Beg Plastik* sempena sambutan Hari Bumi pada tahun lepas, saya difahamkan bahawa pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah mengungkayahkan beberapa aktiviti di dalam proses untuk memberi gakan inisiatif berkenaan kepada orang ramai, antaranya ialah seperti:

- Kuiz Radio dengan usahasama RTB sebagai satu platform untuk mengenalpasti sejauh mana tahap pengetahuan orang ramai mengenai inisiatif yang diungkayahkan dan dalam masa yang sama menyelitkan fakta dan informasi yang relevan untuk meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenainya.
- Pertandingan Poster *Setiap Hari Tanpa Beg Plastik*, dimana sebanyak 686 penyertaan telah diterima. Sambutan dan maklumbalas yang positif ini menunjukkan sokongan dan komitmen orang ramai kepada apa juu usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.
- Produksi/Pembuatan video animasi Inisiatif *Setiap Hari Tanpa Beg Plastik*, sebagai salah satu usaha Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dalam mempromosikan dan memberi gakan lagi Inisiatif *Setiap Hari Tanpa Beg Plastik*

yang akan dilaratkan kepada semua gedung-gedung perniagaan termasuk kedai-kedai runcit.

8. Ini adalah di antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam meningkatkan lagi kesedaran orang ramai akan pentingnya untuk menjaga alam sekitar kita dan menyemai rasa tanggungjawab setiap individu untuk memainkan peranan masing-masing dalam penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar kita.

9. Akhirnya, saya menyeru kepada semua para hadirin, terutama sekali kepada semua warga Kementerian Pembangunan dan juga mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak untuk menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab untuk melindungi bumi dan alam sekitar, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, sebaik mungkin dapat dikembalikan dan dikekalkan keindahan dan kehujauan nya seperti asal kejadiannya.

Kita sedar komitmen serta usaha yang padu adalah diperlukan dari semua pihak dalam sama-sama bertindak secara holistik. Marilah kita menjadi *environmental game changer* untuk memastikan bumi dan alam sekitar Negara Brunei Darussalam ini sentiasa bersih, terpelihara dan terjaga sekaligus akan memelihara semua jenis spesis flora dan fauna yang bernilai kepada kehidupan kita.

**Dengan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim**  
**Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi**  
**Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam**

**Saya dengan ini sukacita merasmikan pelancaran video Setiap  
Hari Tanpa Beg Plastik sempena sambutan Hari Bumi 2019 pada  
22 April 2019 bersamaan dengan 16 Sya'aban 1440H**

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh